

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM

KECERGASAN WARGA UiTM (UniFiT)

DAN

PENYERAHAN BENDERA UiTM KE

KARNIVAL SUKAN MASUM 2023

14 OGOS 2023 | ISNIN | 8.30 PAGI

DEWAN KOMPLEKS SUKAN

UiTM SHAH ALAM

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi

Timabalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Shabsuzan Zakaria

Pengarah Pembangunan Pelajar

Yang Berusaha Encik Ahmad Tarmizy Mohammed

Pengarah Pusat Sukan

- Barisan Ketua Jabatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
- Barisan Pegawai Sukan, Warga staf UiTM,
- Atlet dan Pegawai Karnival Sukan MASUM 2023 serta hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya kita semua dapat berkumpul di majlis **Majlis Pelancaran Program Kecergasan Warga UiTM (UniFiT) dan Penyerahan Bendera Kontinjen UiTM ke Karnival Sukan MASUM 2023** pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Sukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM kerana sentiasa berusaha dan membantu menaikkan nama UiTM khususnya dalam bidang sukan melalui penganjuran kejohanan atau program sukan yang dapat memberikan impak kepada warga UiTM bagi memastikan penglibatan warga UiTM dalam bidang sukan dapat dicapai.

3. Bagi merealisasikan matlamat penglibatan warga UiTM dalam bidang sukan dan pembudayaan sukan di UiTM, satu program khas di bawah **Vice Chancellor**

Office Special Project iaitu Program Kecergasan Warga UiTM (UniFiT) telah dianjurkan bermula dari tahun 2022. Objektif penganjuran program UniFiT ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga UiTM terhadap amalan dan budaya hidup sihat bagi meningkatkan produktiviti kerja dan menaikkan Happiness Index.

4. Antara pengisian aktiviti Program UniFiT pada tahun ini adalah **UniFiT Aerobic 2U, UniFiT Walking, UniFiT Running, UniFiT Cycling, UniFiT Aqua** dan **UniFiT Gym**. Aktiviti-aktiviti ini akan dibimbing oleh penyelararas berpengalaman yang melibatkan staf UiTM dari pelbagai jabatan. Semua aktiviti yang dijalankan ini adalah bertujuan membudayakan kebersamaan dan keterangkuman yang harmoni serta produktif bagi mencapai hasil berkualiti dan berimpak tinggi.

5. Saya percaya, melalui program UniFiT ini, sedikit sebanyak akan dapat membantu dan menyumbang

kepada peningkatan indeks kegembiraan warga UiTM sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Pada tahun lepas indeks kegembiraan UiTM yang direkodkan menunjukkan peningkatan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pada tahun ini, diharapkan indeks ini terus meningkat.

6. Saya berharap lebih ramai lagi warga UiTM terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan ini bagi menjadikan diri kita lebih cergas dan mengurangkan masalah kesihatan serta tekanan dalam diri. Kecergasan dan kegembiraan merupakan petunjuk utama untuk seseorang memberikan komitmen yang penuh kepada sesebuah organisasi.

Hadirin sekalian,

7. Pada majlis ini juga, saya dimaklumkan akan diadakan penyerahan bendera kontinjen UiTM ke Kejohanan Karnival Sukan MASUM 2023 yang akan berlangsung pada 14 hingga 20 Ogos 2023 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan pada 23 hingga 30 Ogos 2023 di

Universiti Teknikal Melaka (UTeM). Seramai 425 orang atlet dan pegawai kontinjen UiTM akan terlibat pada kejohanan pada kali ini.

8. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berjuang kepada kontinjen UiTM di Kejohanan Karnival Sukan MASUM 2023 yang akan disertai dan diharapkan dapat mengekalkan juara keseluruhan yang kita menangi sebelum ini dengan semangat kesukanan yang tinggi. Diharapkan semua atlet dan pegawai kontinjen dapat menjaga kesihatan dan nama UiTM semasa bertanding nanti.

9. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada kali ini.

10. Dengan lafaz **Bismillah hirrahman nirrahim**, saya dengan ini merasmikan dan melancarkan **Program**

Kecergasan Warga UiTM (UniFiT) 2023.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.